# Galak budaya ilmu di PPR




*PERPUSTAKAAN 1Wilayah Lembah Pantai memberi ruang kepada penduduk setempat untuk membaca dan melakukan aktiviti berfaedah pada waktu lapang.*



## ■ 20,000 penduduk dapat manfaat pembukaan Perpustakaan 1Wilayah Persekutuan di Kampung Kerinchi


**Oleh Fazurawati Che Lah**
fazurawati@hmetro.com.my


**Kuala Lumpur**

Lebih 20,000 penduduk sekitar kawasan Lembah Pantai mendapat faedah dengan pembukaan Perpustakaan 1Wilayah Persekutuan di Projek Perumahan Rakyat (PPR) Kampung Kerinchi, Pantai Dalam, di si-

Pengguna, Siti Aisyah Shabudin, 17, berkata, dia memanfaatkan kemudahan itu bagi mendapatkan bahan ilmiah serta bacaan lain.

"Sejak dibuka, saya sering berkunjung bersama rakan bagi mendapatkan buku ilmiah atau mengulang kaji pelajaran di sini.

"Setakat ini saya berpuas hati dengan keperluan yang

**" Sejak dibuka, saya sering berkunjung bersama rakan bagi mendapatkan buku ilmiah atau mengulang kaji pelajaran"**

leh ke perpustakaan bersama anak. Ia dapat mengelak anak daripada menghabiskan masa dengan kegiatan sia-sia.

"Lokasi yang berhampiran dengan pasar setiap hujung minggu memudahkan ibu bapa menghantar

ni.

Perpustakaan yang dibuka pada April lalu itu terhasil menerusi sebuah program tanggungjawab sosial korporat Malaysian Resources Corporation Bhd (MRCB).

disediakan dan lebih seronok kerana ia berdekatan rumah," katanya yang menetap di PPR Kampung Kerinchi, di sini.

Penduduk, Afidah Ghazali, 37, berkata, penduduk gembira dengan pembinaan perpustakaan itu kerana dapat menggalakkan minat untuk membaca.

Siti Aisyah

"Ibu bapa sendiri pun boanak ke perpustakaan sementara membeli barang," katanya.

Perpustakaan yang dirasmikan Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan Datuk Dr Loga Bala Mohan itu menawarkan kira-kira 15,000 judul buku dalam pelbagai subjek untuk semua peringkat umur, makmal komputer, atrium dan kafeteria dalam bangunan dua tingkat itu.

Perpustakaan itu adalah cetusan idea bekas Menteri Wilayah Persekutuan Datuk Seri Raja Nong Chik Raja Zainal Abidin untuk menaik taraf kemudahan awam di bandar raya ini.